

**PERATURAN TENTANG ADAT,
PEMERINTAHAN DAN SOSIOEKONOMI
DALAM UNDANG-UNDANG KEDAH**

‘AISYAH BINTI KAMARUDDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2022

**PERATURAN TENTANG ADAT,
PEMERINTAHAN DAN SOSIOEKONOMI
DALAM UNDANG-UNDANG KEDAH**

oleh

‘AISYAH BINTI KAMARUDDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2022

PERAKUAN PELAJAR

“Saya seperti yang bernama di bawah mengaku bahawa tesis ini tidak mengandungi bahan-bahan yang pernah ditulis atau diterbitkan, melainkan diberi rujukannya.”

Tanda Tangan: 

Nama Pelajar: 'Aisyah binti Kamaruddin

Tarikh: 2 Julai 2022

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya, tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Pertamanya, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia tesis, Prof. Datin Dr. Mahani Musa kerana telah membimbing, mendorong, menyumbang idea, tenaga dan telah memberikan komitmen terbaik beliau sepanjang proses penulisan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Dr. Jelani Harun, pensyarah Bahagian Kesusasteraan, Universiti Sains Malaysia yang turut memberi pandangan dan rujukan bagi memperkukuhkan kajian ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Profesor Madya Dr. Arba'iyah Mohd Noor dan Dr. Azmah Abdul Manaf. Ribuan terima kasih juga ditujukan Kementerian Pendidikan Tinggi kerana telah membiayai pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah ini melalui program Mybrain15.

Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada semua pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Prof. Dato' Dr. Abu Talib Ahmad, Prof. Dr. Ooi Keat Gin, Dr. Nik Haslinda Nik Hussain, Dr. Azmi Arifin, Prof. Madya Dr. Nazarudin Zainun, Prof. Madya Dr. Muhamad Hasrul Zakariah, Dr. Tan Chee Seng dan Puan Thilagavathi Vasudevan. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Dr. Mohd. Kasri Saidon, pensyarah Universiti Utara Malaysia, Encik Mustapha Lang Kart, Presiden Persatuan Pelancongan Satun yang banyak membantu dan menemukan penulis dengan beberapa individu sepanjang penyelidikan di Satun dan tidak ketinggalan kepada kakitangan *National Museum Satun*. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Allahyarham Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof yang juga menjadi rujukan penulis

ketika menghadapi kesukaran membaca dan memahami isi kandungan teks Undang-undang Kedah.

Sekalung penghargaan turut ditujukan kepada kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut I dan II, Universiti Sains Malaysia, bahagian Arkib/Malaysiana. Penghargaan turut dirakamkan kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia, kakitangan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah dan Perlis, kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia, terutama di bahagian Koleksi buku Nadir dan Koleksi Manuskrip Melayu, kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka, terutama di Bahagian Pusat Dokumentasi Melayu dan kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya serta pensyarah-pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Teristimewa ucapan terima kasih tidak terhingga buat ibu tercinta, Hajjah Halipah Saari yang sentiasa menitipkan doa. memberi dorongan dan semangat bagi menyiapkan kajian ini. Begitu juga dengan keluarga yang sentiasa memberi galakkan dalam pelbagai bentuk bantuan sepanjang kajian ini dijalankan. Seterusnya ucapan terima kasih kepada sahabat yang banyak membantu iaitu Siti Fathihah, Azlini dan mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak sepanjang penyelidikan. Akhir kata, semoga usaha ini memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang merujuknya.

*'Aisyah binti Kamaruddin
Julai, 2022.
Universiti Sains Malaysia*

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI CARTA	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN.....	xii
PETA PENTADBIRAN KEDAH.....	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT.....	xvi
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kajian Lepas	12
1.3 Permasalahan Kajian.....	23
1.4 Persoalan Kajian	26
1.5 Objektif Kajian.....	27
1.6 Skop Kajian.....	28
1.7 Pembahagian Bab.....	29
1.8 Kaedah Kajian.....	33
1.9 Signifikan Kajian	34

BAB 2	UNDANG-UNDANG TRADISIONAL KEDAH SEBELUM KEDATANGAN BRITISH	38
2.1	Pengenalan	38
2.2	Undang-undang Tradisional di Semenanjung Tanah Melayu dan Perbahasan Sarjana.....	39
2.3	Teks Undang-undang Tradisional Kedah	49
2.3.1	<i>Undang-undang Kedah</i> SOAS atau Selenggaraan Mariyam Salim (2005).....	49
2.3.2	Kanun Kedah	62
2.3.3	<i>Undang-undang Kedah</i> Selenggaraan Winstedt (1928).....	64
2.3.4	<i>Undang-undang Kedah</i> Naskhah Raffles 77	65
2.3.5	Perbandingan <i>Undang-undang Kedah</i> Sepintas Lalu.....	72
2.3.6	<i>Undang-undang Kedah</i> Naskhah Ku Din Ku Meh (1893).....	76
2.3.7	Kanun al-Ankubat (1355H/1916M)	93
2.4	Kesimpulan	96
BAB 3	ADAT BERKERAJAAN DAN PENGUKUHAN INSTITUSI BERAJA DI KEDAH	98
3.1	Pengenalan	98
3.2	Etika Sebagai Raja	99
3.3	Daulat dan Derhaka dalam Kesultanan Kedah.....	116
3.4	Adat Istiadat dan Alat-alat Kebesaran Raja Berdasarkan <i>Undang undang Kedah</i>	125
3.5	Hubungan Diplomatik Kedah dengan Negeri Luar Berdasarkan <i>Undang-undang Kedah</i>	142
3.6	Kesimpulan	155

BAB 4	DARIPADA PEMBESAR NEGERI SEHINGGA MATA-MATA PENYUSUNAN TUGAS DAN KUASA MENGIKUT <i>UNDANG- UNDANG KEDAH</i>	157
4.1	Pengenalan	157
4.2	Susunan Pembesar Mengikut Adat	158
4.3	Pembesar, Menteri Empat, Penyelarasan dan Pembahagian Tugas	195
4.4	Pembesar dalam Hal Ehwal Kelautan	211
4.5	Pembesar di Peringkat Kampung/Mukim	221
4.6	Golongan Agamawan di Peringkat Kampung/Mukim.....	232
4.7	Kesimpulan	237
BAB 5	RAKYAT DAN PENYELESAIAN ISU SOSIAL BERDASARKAN <i>UNDANG-UNDANG KEDAH</i>	239
5.1	Pengenalan	239
5.2	Tanggungjawab Sosial Rakyat.....	240
5.3	Hubungan antara Rakyat Sesama Rakyat	258
5.4	Perlindungan Hak Wanita	271
5.5	Orang Berhutang	284
5.6	Golongan Hamba	293
5.7	Kesimpulan	307

BAB 6	PERATURAN EKONOMI BERDASARKAN UNDANG-UNDANG KEDAH.....	309
6.1	Pengenalan	309
6.2	Tanggungjawab Sosial Rakyat.....	310
6.3	Hubungan antara Rakyat Sesama Rakyat	317
6.4	Perlindungan Hak Wanita	336
6.5	Orang Berhutang	364
6.6	Golongan Hamba	369
6.7	Kesimpulan	375
BAB 7	KESIMPULAN	377
	BIBLIOGRAFI	390
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 Ringkasan <i>Undang-undang Tembera Dato' Seri Paduka Tuan</i> (1078 H/1667M) Mengikut Fasal.....	55
Jadual 2.2 Isi kandungan <i>Undang-undang Hijrah 1199</i>	60
Jadual 2.3 Ringkasan <i>Undang-undang yang Diserahkan Yang Dipertua Tuan kepada Raja Setia Bijaya pada Tahun 1138H/1728M</i>	68
Jadual 2.4 Perbandingan Teks Selenggaraan Mariyam Salim (2005), Kanun Kedah, Selenggaraan Winstedt (1928) dan <i>Undang-undang Kedah Naskhah Raffles 77</i>	73
Jadual 2.5 Perincian Isi Kandungan Teks Selenggaraan Mariyam Salim (2005), Selenggaraan Winstedt (1928) dan Naskhah Raffles 77.....	74
Jadual 2.6 Ringkasan Isi Kandungan <i>Undang-undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh</i> (1893)	85
Jadual 3.1 Belanja Nobat, 1905-1908.....	127
Jadual 3.2 Hasil Gendang Nobat Mengikut Strata Sosial.....	133
Jadual 3.3 Kadar Bunga Emas, Perak Bagi Golongan Pemerintah.....	152
Jadual 4.1 Jawatan Pembesar dan Adat Berpakaian Menurut <i>Undang-undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh</i>,,,	173
Jadual 4.2 Bayaran Cukai dan Kadar Ampun Kurnia Mengikut Pangkat.....	208
Jadual 5.1 Populasi Penduduk Seberang Perai Tahun 1830-1836.....	244
Jadual 5.2 Isi Kandungan <i>Undang-undang Kedah</i> berkenaan Rakyat.....	248
Jadual 5.3 Kesalahan Mencuri Mengikut Jenis Haiwan dan Denda.....	260

Jadual 5.4	Jenis-jenis Jenayah di Kampung Dilakukan Secara Berkumpulan.....	268
Jadual 5.5	Kesalahan dan Hukuman Menetak Mengikut Strata Sosial.....	298
Jadual 6.1	Eksport Barangan dan Cukai yang Dikenakan kepada Pedagang.....	321
Jadual 6.2	Import Barangan dan Cukai yang Dikenakan kepada Pedagang.....	322
Jadual 6.3	Jenis Dagangan Dan Hasil Negeri Semasa Pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah.....	330
Jadual 6.4	Kutipan Cukai/Hasil bagi Seekor Gajah.....	334
Jadual 6.5	Sukatan Tanah Sebelum dan Selepas Pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa (1710-1778)	339
Jadual 6.6	Peratusan Bilangan Penanam Padi Lelaki dan Wanita Melayu Kedah, 1911.....	358
Jadual 6.7	Jenis Kesalahan Peminjam Kerbau, Lembu Beserta Denda.....	362
Jadual 6.8	Pengenalan Sistem Mata Wang Semasa Pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa.....	364
Jadual 6.9:	Pengeluaran Bijih Timah di Empat Buah Kawasan Perlombongan di Kedah, 1908.....	372

SENARAI CARTA

	Halaman
Carta 4.1	Kedudukan Pembesar Berdasarkan Tradisi <i>Undang undang Melaka</i> 164
Carta 4.2	Proses Penggubalan Undang-undang Adat Negeri Kedah..... 170
Carta 4.3	Susunan Pembesar Berdasarkan <i>Undang-undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh (1893)</i> 175
Carta 4.4	Aliran Pelantikan Pengganti Raja dan Bendahara 185
Carta 4.5	Jabatan-jabatan dalam Pentadbiran Kedah Mengikut <i>Undang-undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh</i> 200
Carta 4.6	Susunan Pembesar di Kelautan/Pelabuhan 212
Carta 4.7	Pembesar-pembesar di Peringkat Mukim/Kampung..... 222
Carta 4.8	Hubungan antara Golongan Istana dengan Golongan Agamawan di Peringkat Mukim/Kampung 234
Carta 5.1	Strata Sosial Masyarakat Kedah 247

SENARAI SINGKATAN

ATSNK	At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah
CO	Colonial Office
HMM	Hikayat Merong Mahawangsa
IJAPS	International Journal of Asia Pasific Studies
JIA	Journal of the Indian Archipelago
JIAEA	Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia
JMBRAS	Journal of the Malaysian Branch of the Roral Asiatic Society
mm.	Mula memerintah
MBRAS	Malaysian Branch of the Roral Asiatic Society
MSRI	Malaysian Sociological Research Institute
SARI	Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu
SMSAH	Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid
STKK	Salasilah atau Tarekh Kerajaan Kedah
T.H.	Tahun Hijrah
T.M.	Tahun Masihi
UUM	Undang-undang Melaka
UULM	Undang-undang Laut Melaka

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A** Halaman teks *Undang-undang Kedah* versi Ku Din Ku Meh (1893)
- Lampiran B** Kubur Ku Din Ku Meh, Satun, Thailand
- Lampiran C** Pejabat Ku Din Ku Meh yang kini dijadikan Muzium Negara Satun
- Lampiran D** Nanda Sigara, Jalan Penang, Pulau Pinang

PETA PENTADBIRAN KEDAH



Sumber: Mohamad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

**PERATURAN TENTANG ADAT, PEMERINTAHAN DAN SOSIOEKONOMI
DALAM UNDANG-UNDANG KEDAH**

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada aspek peraturan tentang adat, pemerintahan dan sosioekonomi yang terkandung dalam teks *Undang-undang Kedah*. Menerusi beberapa teks *Undang-undang Kedah* iaitu *Undang-undang Kedah* naskhah SOAS atau selenggaraan Mariyam Salim (2005), *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928), *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893), kerangka politik tradisional Kedah yang bermula daripada raja sebagai pelaksana undang-undang, pembesar sebagai penggerak dan berakhir dengan rakyat jelata sebagai pelaku kepada pelaksanaan undang-undang tersebut, menjadi induk utama dalam teks undang-undang tersebut. Melalui fasal-fasal yang terkandung dalam *Undang-undang Kedah* ini, peranan raja sebagai teraju kepimpinan yang perlu diiringi oleh keperibadian dan faham tentang peranannya dalam kehidupan berkerajaan amat ditekankan. Pelantikan pembesar selaku pembantu dan wakil raja yang menjelaskan fungsi pembesar di semua peringkat, bermula dari unit politik negeri sehingga ke pelosok kampung, dengan tugas, kebesaran dan kuasa yang berbeza-beza mengikut taraf masing-masing turut ditonjolkan dalam teks-teks ini. Pembesar dalam kesemua teks *Undang-undang Kedah* dilihat sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam mengatur usaha, strategi, dan hala tuju dalam menggerakkan fasa peralihan ekonomi negeri Kedah daripada perdagangan kepada pertanian yang dicapai oleh negeri itu. Dalam proses ini tanggungjawab rakyat pula bukan hanya sebagai kelompok pelaksana ekonomi negeri,

malah mereka dituntut dan dididik melalui teks *Undang-undang Kedah* ini untuk mendokong institusi kesultanan melalui pendaulatan kepada raja serta menjaga kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Kesemua perkara ini menjadi tonggak kepada keamanan dan kedaulatan sesuatu kerajaan. Kajian ini melibatkan kaedah kualitatif yakni analisis dan penilaian teks selain turut menggunakan sumber-sumber primer termasuk laporan tahunan, surat-menyurat golongan pemerintah Kedah dan dokumen-dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak British turut digunakan dalam kajian ini. Sebagai rumusan, teks *Undang-undang Kedah* merupakan sebuah teks kenegaraan yang lengkap dengan idea dan pemikiran yang teliti lagi sistematik di pihak pemerintah Kedah dalam merencana keutuhan pentadbiran, kemajuan ekonomi dan kestabilan sosial. Kesemua naskhah yang dibincangkan mencerminkan sejarah Kedah itu sendiri yang berjaya mencapai transformasi ekonomi dari sebuah entrepot kepada negeri pertanian yang dikatakan bermula sejak kurun ke-13 hingga kurun ke-17 dan mencapai kemuncaknya pada suku terakhir kurun ke-19. Kewujudan *Undang-undang Kedah* ini merupakan satu piagam bertulis yang lengkap dalam segenap aspek bagi kerajaan Kedah yang berdepan dengan cabaran dan transformasi untuk menjamin pengukuhan ekonomi serta kestabilan sosial seterusnya memastikan keselamatan negeri dan kedaulatan institusi raja dapat dipertahankan.

**REGULATIONS RELATING TO GOVERNANCE CUSTOMARY PRACTICES
AND SOCIOECONOMIC IN KEDAH LAWS**

ABSTRACT

This research focuses on the regulatory aspect of customary laws, governance, and socioeconomy in texts of the *Kedah Laws*. Through the various versions of the *Kedah Laws* namely the SOAS version, Mariyam Salim (2005), Winstedt (1928), Raffles 77's, and Ku Din Ku Meh (1893), the framework of Kedah traditional politics starting with the ruler as implementer of the law, the chiefs as its enforcer, and the people as actor in the enactment of the law, form the central focus of these legal texts. Through the various articles of *Kedah Laws*, the role of the ruler whose leadership must be imbued with ethics, stable personality, and the ability to understand his roles in the state is emphasized. The appointment of the chiefs as deputy and the ruler's representative to explain the roles of the ruler at the various levels, beginning with the state as a political unit right to the village level, with their different duties, dignity, and authority according to their hierarchy are highlighted in these texts. In all texts of the *Kedah Laws* the chiefs were seen as those responsible in organizing efforts, strategies, and goals in undertaking the transition of the state's economy from trade to agriculture. In this process, the responsibility of the people is not merely confined being the main part of the state economy, they were also required to be educated through the texts of the *Kedah Laws* to uphold the institution of traditional rulership, sovereignty of the ruler, and family and social life which formed the basis of the peace and sovereignty of any state. This study is based on qualitative research which involves mainly textual analysis and evaluation and also the use of primary sources

including annual reports, correspondence of Kedah rulers and official documents issued by the British are also used in this research. Overall, the research summarizes the *Kedah Laws* as a complete text on state craft filled with ideas and careful and systematic thought on the part of the Kedah rulers in planning the state's administrative strength, its economic development and social stability. The text reflects the history of Kedah which successfully transformed its economy from an entreport to an agricultural state which began in the early 13th century until 17th century and reached its height in the last quarter of the 19th century. Hence, the existence of the *Kedah Laws* as a written law for the Kedah state that had to face challenges and such transformation so as to ensure consolidation of the economy and consequently social stability to ensure peace in the state while upholding the royal constitution.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini meneliti kedudukan *Undang-undang Kedah* sebagai sumber pensejarahan negeri abad ke-17 hingga abad ke-19. Kajian ini menghujahkan bahawa teks *Undang-Undang Kedah*¹ merupakan teks perundangan Melayu yang penting yang menonjolkan gabungan idea, pemikiran institusi raja dan barisan pembesar dalam usaha mewujudkan pentadbiran dan pemerintahan negeri yang mantap dan sistematik. Teks *Undang-undang Kedah* yang dibincangkan dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelbagai naskhah iaitu *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928), *Undang-undang Kedah* SOAS atau selenggaraan Mariyam Salim (2005) (selepas ini dikenali sebagai *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim 2005), *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) yang dikenali oleh Khoo Kay Jin sebagai versi Stuart disebabkan salinan ini diperturunkan untuk E. A. G. Stuart yang merupakan Pesuruhjaya Pelajaran di Kedah dari awal tahun 1910 sehingga kematiannya pada tahun 1920-an.² Teks ini kemudiannya dinamakan *Undang-undang Kedah* versi Melayu-Jawi oleh Arkib Negara Malaysia pada tahun 2007. Namun dalam konteks

¹ Mahani Musa, "Undang-undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh (1311 Hijrah/1893 Masihi)" dlm. Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (Peny.). *Kesultanan Melayu Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006. Untuk keterangan lanjut lihat, Jelani Harun, "Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London", *SARI* (26), 2008, hlm. 127-148 & R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, hlm. 118. Lihat, R.O. Winstedt, "Kedah Laws", *JMBRAS*, June, 1928, VI, Part 2.

² Lihat, R.O. Winstedt, "Kedah Laws", hlm. 58.

perbincangan kajian ini, teks ini menggunakan judul *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893).

Kesemua naskhah *Undang-undang Kedah* ini merupakan cerminan kepada situasi politik dan sosioekonomi negeri Kedah sebelum kedatangan British, sama seperti kepentingan teks-teks pensejarahan yang lain tentang negeri itu. Penelitian terhadap beberapa naskhah *Undang-undang Kedah* dan fasal-fasal yang terkandung di dalamnya telah menunjukkan usaha pihak pemerintah memelihara takhta dan kedaulatan Kedah dan dalam masa yang sama membina hubungan baik dengan kuasa-kuasa asing seperti Siam.

Dalam memperkatakan tentang *Undang-undang Kedah* ini, pengaruh Melaka tidak harus dikesampingkan. Keberadaan Melaka sebagai satu 'objek' penting dalam memperkatakan mengenai sejarah masyarakat lampau tidak dapat disangkal. Apatah lagi kesultanan Melayu Melaka telah meninggalkan sejumlah besar karya undang-undang seperti *Undang-Undang Melaka*³ dan *Undang-Undang Laut Melaka*⁴ yang mendapat perhatian meluas daripada para penyelidik.⁵ Menurut Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka* sangat penting dan menjadi 'ikutan' kepada pengurangan undang-undang tradisional lain selepasnya⁶ seperti dalam kerajaan Kedah⁷ atau dahulunya dikenali sebagai Kedah Tua.⁸ Bagaimanapun Hooker yang merujuk secara

³ *Undang-undang Melaka* dapat dikatakan sebagai manuskrip undang-undang yang tertua yang penting bagi masyarakat Melayu. *Undang-undang Melaka* diasaskan pada zaman Sultan Muhammad Shah (1445-1444) yakni sultan Melaka yang pertama yang memeluk Islam. Beberapa tambahan awal terhadap isi naskhah telah dilakukan semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1458). Lihat, Jelani Harun, "Kajian Naskhah Undang-undang Adat Melayu di London", hlm. 127-148.

⁴ Muhammad Yusoff Hashim, *The Malay Sultanate of Malacca: A Study of Various Aspects of Malacca in the 15th and 16th Centuries in Malaysian History*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

⁵ Ibid.

⁶ Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1976, hlm. 1.

⁷ N. J. Ryan, *A History of Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1976, hlm. 7.

⁸ Selain Kedah Tua, terdapat kerajaan awal Melayu yang lain seperti Beruas, Sungai Lang, Malayu (Sumatera) yang dipercayai wujud sejak awal abad ke-2 Masihi lagi. Dengan sejarah yang panjang ini,

umum kepada kandungan *Undang-undang Kedah* berpendapat tidak wujud persamaan yang begitu ketara antara kedua-dua naskhah tersebut walaupun pada hakikatnya ia disifatkan sebagai undang-undang yang berada di bawah pengaruh *Undang-undang Melaka*.⁹

Penemuan baharu tapak arkeologi di Sungai Batu oleh pasukan penyelidik Pusat Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia pada tahun 2007 hingga 2009¹⁰ mengesahkan kedudukan Kedah sebagai negeri tertua di Semenanjung Malaysia.¹¹ Tarikh 535 Sebelum Masihi menjadi bukti tamadun Asia Tenggara yang terlengkap¹² sebagai tarikh usia tamadun tersebut yang disahkan melalui ujian *karbon dating* penemuan-penemuan di tapak tersebut di beberapa makmal di luar negara. Penemuan ini dengan sendirinya memperbaharui tarikh kurun ke-5 Masihi yang diberikan oleh

menyebabkan Kedah Tua dikenali dengan pelbagai nama seperti *Kataha* atau *Katahanagara*, *Kidaram* (bahasa Sanskrit), *Kalagam* (dalam puisi Tamil bertajuk *Pattinappalai*/sumber India), *Kadaram*, *Kalagam*, *Kalah*, *Kalah-bar* (sumber Arab), *Keta*, *Kietao*, *Chieh-Ch'a* dan *Yeh-po-te* (sumber China) dan *Quedah* dan *Quedaram* (sumber Barat), *Kalha* dan *Khadaha*. Walaupun bagaimanapun, kesemua nama-nama itu merujuk kepada satu petempatan dan bandar pelabuhan penting yang dikenali sebagai Kedah atau Kedah Tua yang hanya dibezakan oleh bahasa dan dialek masing-masing. Lihat, G. A. Hodgson, "An Introduction to Kedah History", *Kedah Dari Segi Sejarah*, Bilangan 1, Jilid I, Jun 1966, hlm. 10. Lihat juga, R.O. Winstedt, "History of Kedah", *JMBRAS*, No. 80, 1920, hlm. 29-30. Lihat, Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980, hlm. 46-47. Lihat, Jane Allen, 'Trade, Transportation and Tributaries: Exchange, Agriculture and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia,' (Ph.D Thesis), Univesity of Hawai'I, Honolulu, Univesity Microfilm, Ann Arbor, 1988, hlm. 217-218. Lihat juga, Nordin Hussin, "Perdagangan dan Peradaban di Laut Malayu," *Syarahana Perdana Jawatan Profesor Universiti Kebangsaan Malaysia*, 16 Disember 2011, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 8.

⁹ M. B. Hooker, *The Law of South-East Asia*, Volume I, The Pre Modern Texts, Singapore: Butterworth Co. Pte. Ltd. 1986, hlm. 230.

¹⁰ Stephen Chia & Naizatul Akma Mohd Mokhtar, "Evidence of Iron Production at Sungai Batu, Kedah," dlm. Stephen Chia & Barbara Watson Andaya, *Bujang Valley & Early Civilization in Southeast Asia*, Kuala Lumpur: Department of National Heritage, Ministry of Information, Communication & Culture, Malaysia, 2011, hlm. 350.

¹¹ Mokhtar Saidin, *Dari Zaman Batu ke Tamadun Awal di Malaysia: Pemerikasaan Jati Diri Bangsa*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 20.

¹² Tamadun tertua ini lengkap dengan bukti amalan ritual. Industri besi, pelabuhan dan pusat pentadbiran dan pembekal kepada teknologi seni bina suatu ketika dahulu. Lihat, Mokhtar Saidin, "Semenanjung Malaysia: Kepentingannya kepada Zaman Prasejarah & Tamadun Dunia", dlm. *Syarahana Umum Pelantikan Profesor: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global*, 12 Julai 2017, Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia, hlm. 10.

sarjana-sarjana seperti John Miksic sebagai permulaan tamadun Kedah Tua.¹³ Melalui bukti arkeologi yang dijalankan oleh sekumpulan pengkaji,¹⁴ terbukti pengkalan Lembah Bujang¹⁵ pernah menjadi *feeder point* kepada kerajaan Srivijaya sejak sekurang-kurangnya abad ke-7 Masihi dan dianggarkan berlangsung sehingga abad ke-10 dan ke-11 Masihi.¹⁶

Sebagai sebuah kerajaan Melayu yang menjadi pusat komersial dan pusat pertemuan beberapa buah negara luar semestinya Kedah memerlukan satu kekuatan untuk mengawal dan menstabilkan kewujudan operasi dan aktiviti perdagangan bertaraf antarabangsa. Lazimnya, kewujudan sistem perundangan ini terbentuk apabila sesebuah kerajaan menuju ke arah pembangunan dan menjadi pembuktian secara bertulis kepada susun lapis politik negeri.¹⁷ Menurut Hooker, pengenalan undang-undang ini lebih bertujuan untuk menjaga sistem dan ‘*sosial order*’ sesebuah masyarakat”.¹⁸

¹³ Setelah memerdekakan diri daripada kerajaan Funan sekitar abad ke-6, Kedah terus maju sebagai sebuah pelabuhan entrepot di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat banyak pendapat mengenai tarikh kewujudan Kedah Tua ini. Allen (1988) misalnya, mengatakan Kedah Tua telah wujud sejak abad pertama Masihi. Lihat J. Miksic, “Entrepot along the Melaka Strait”, dlm. Nik Hassan Shuhaimi Abdul Rahman (eds.), *The Encyclopedia of Malaysia: Early History* (Vol.4), Singapore: Archipelago Press, 1998, hlm. 117. Lihat juga, Leonard Y. Andaya, “The Bujang Valley in the Early History of the ‘Sea of Malayu’”, hlm. 74. Lihat juga, Ahmad Jelani Halimi, *Perdagangan & Perkapalan Melayu di Selat Melaka Abad ke-15 hingga ke-18*, hlm. 55. Keterangan lanjut, lihat Jane Allen, ‘Trade, Transportation and Tributaries: Exchange’, hlm. 205.

¹⁴ Kegemilangan Srivijaya sebagai pelabuhan entrepot terulung di Selat Melaka berkekalan sehingga abad ke-11 Masihi sahaja. Lihat, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, *Arkeologi Pra-Islam Persisir Selat Melaka Evolusi atau Migrasi*, hlm. 23. Lihat juga, Leonard Y. Andaya, “The Bujang Valley in the Early History of the ‘Sea of Malayu’”, hlm. 72.

¹⁵ Terdapat sikap yang berbeza apabila membincangkan persoalan Lembah Bujang berbanding dua kerajaan dan empayar Melayu seperti Langkasuka dan Srivijaya yang kini menjadi sebahagian daripada negeri Thailand dan Indonesia. Lihat, Abu Talib Ahmad, “Zaman Pra-Melaka/Pra-Islam dan Identiti Politik Melayu”, dlm. Abdul Rahman Haji Ismail, *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 15-16.

¹⁶ Mahani Musa, *Melayu-Muslim dalam Sejarah Georgetown*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2011, hlm. 19.

¹⁷ Muhammad Yusoff Hashim, *The Malay Sultanate of Malacca*, hlm. xxxix.

¹⁸ Hooker, *The Law of South-East Asia*, hlm. 230.

Hooker, dalam hal ini melihat kewujudan pemerintah-pemerintah Melayu yang dikenali sebagai sultan atau raja sebagai faktor terpenting dalam menentukan aspek perundangan dan kedudukan Islam di negeri-negeri Melayu.¹⁹ Melalui aspek 'daulat', raja selaku ketua negara, agama dan adat istiadat menjadi pusat kekuasaan dengan dibantu oleh sekumpulan pembesar yang menjalankan tugas pentadbiran kerajaan yang berhubung terus dengan rakyat jelata.²⁰ Konsep daulat ini diperkuatkan dengan pembentukan undang-undang adat yang bertujuan untuk menguatkan keabsahan dan kedaulatan raja tersebut.

Bahagian pertama *Undang-Undang Pelabuhan* (1060H/1650M) yang pertama kali ditransliterasi oleh Winstedt (1928),²¹ telah menjadi bukti bertulis bahawa Kedah pernah muncul sebagai sebuah negeri entrepot yang penting semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhamad Shah (mm.1625-1651) yang bersemayam di Naga (lihat peta halaman xii).²² Bersama-sama undang-undang ini terdapat empat lagi undang-undang lain iaitu *Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* (1078H/1667M), *Hukum Kanun Dato' Kota Setar* (dianggarkan ditulis sekitar 1710-1778), dan *Cara Membuat Bunga Emas* (dianggarkan ditulis 1804-1843)²³ dan *Undang-Undang Hijrah 1199*.²⁴

¹⁹ Hooker, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, (Terj.) Rohani Abdul Rahim (et.al), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 148.

²⁰ Jelani Harun, "Karya Agung dan Politik Kenegaraan Melayu", *Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor*: Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, Bil 4, 2015.

²¹ Dua bahagian undang-undang daripada *Undang-undang Kedah* naskhah selenggaraan Mariyam Salim (2005) yang lengkap adalah *Undang-undang Pelabuhan* dan *Tembera Datuk Paduka Tuan*. Manakala dua bahagian lagi iaitu *Cara Membuat Bunga Emas Semasa Pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa* diambil sebahagian daripada teks yang terdapat dalam *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005) dan *Hukum Kanun Kota Setar* hanya dimuatkan satu fasal sahaja.

²² Winstedt, "Kedah Laws", hlm. 2-9.

²³ Ibid., Lihat juga, Jelani Harun, *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, hlm. 95-98.

²⁴ Kesemua lima bahagian teks perundangan ini kemudiannya diselenggara semula oleh Mariyam Salim pada tahun 2005 disebabkan tidak ditransliterasi dengan lengkap sebagaimana yang terdapat di dalam teks asal naskhah SOAS. Keterangan lanjut lihat, Mariyam Salim, *Undang-undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. x-xviii. Lihat juga, Winstedt, "Kedah Laws", *JMBRAS*.

Menerusi koleksi *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 pula yang terkandung di dalamnya dua teks yang sama yakni isi kandungan yang sama dengan *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) dan selenggaraan Mariyam Salim (2005), jelas menunjukkan bagaimana perubahan tampuk kepimpinan turut mempengaruhi idea, pembaharuan dan perubahan merangkumi segenap aspek kehidupan. Manakala teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) cukup untuk menjelaskan fungsi undang-undang adat sebagai alat untuk pengukuhan kuasa raja, menjaga kestabilan sosial dan mengawal ekonomi Kedah.

Kedah pernah mengalami kegemilangan dan kemerosotan ekonomi. *Surat-Menyurat Francis Lights* menyebut Kedah mula merosot bermula abad ke-15 selepas dicabar oleh Kesultanan Melayu Melaka.²⁵ Kedah sekali lagi membuktikan kehebatannya apabila mampu ‘bangkit’ dan mengubah tumpuan daripada maritim kepada pertanian, ‘*made her attention to the land*’ yang kebenarannya dirumuskan oleh Gullick, ‘*no Malay settlement is permanent without paddy*’²⁶ sebagai satu bukti yang tidak dapat disangkal sehingga ke hari ini. Bukti ini jelas kerana sekitar tahun 1770-an Kedah menjadi negeri pengeluar padi sehingga mampu mengeluarkan lebihan beras untuk tujuan eksport.²⁷ Nabir Haji Abdullah (1987) mendakwa pemulihan ekonomi semasa pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin (mm.1710-1778) banyak disumbangkan oleh pelaksanaan undang-undang yang lebih menumpukan

²⁵ *Surat Menyurat Francis Light*, Vol. 5, School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, Sumbangan Dr. Nik Haslinda Nik Hussain, Universiti Sains Malaysia. Lihat juga, R. Bonney, *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.

²⁶ Gullick, *Malay Society in the Late 19th Century: The Beginnings of Change*, Singapore: Oxford University Press, 1987, hlm. 107.

²⁷ Lihat, Sharom Ahmat, *Kedah: Tradition and Change In A Malay State: A Study of the Economic and Political Development 1878-1923*, MBRAS, Monograf No. 12, 1983/1984, hlm. 9-10. Nabir Haji Abdullah, “Kedah Abad Ke-18: Tinjauan Terhadap Kegiatan Ekonomi” dlm. Kolokium Masyarakat Melayu Abad Ke-18, Bilik Mesyuarat Majlis Universiti Kebangsaan Malaysia, Anjuran Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 17 Oktober, 1987. Lihat juga, Gullick, *Malay Society in the Late 19th Century*, hlm. 127.

kepada guna tanah pertanian.²⁸ Hal ini terbukti apabila bermula abad ke-18, Kedah mampu membekalkan beras ke Pulau Pinang iaitu kira-kira 2,000 koyan dan ke negeri-negeri jiran yang lain.²⁹ Pembinaan Terusan Wan Mat Saman³⁰ pada tahun 1885 semakin merancakkan kegiatan pertanian Kedah. Bertitik tolak daripada situasi ini, Kedah semakin menerajui kegiatan pertanian sehingga kemudiannya menerima jolokan ‘Kedah negeri Jelapang Padi’.

Manakala dari segi politik pula, set undang-undang ini merupakan bukti terawal situasi politik Kedah sejak dahulu lagi bahawa Kedah tidak pernah sunyi daripada ancaman kuasa-kuasa asing seperti Aceh, Bugis dan Siam. Walaupun tidak dapat dipastikan bilakah hubungan Kedah-Siam ini sebenarnya bermula, sarjana-sarjana seperti R. Bonney melihat hubungan itu sekurang-kurangnya telah terjalin sejak kurun ke-14. Namun, hubungan yang terjalin ini perlahan-lahan menunjukkan sikap Siam yang sebenar ke atas Kedah yang menurut Bonney:

“These developments are of unique interest in that they reveal that Kedah’s inability to defend itself pushed it to power it most resented because of the influence and pressure exerted over it, although it was realized that the price to be paid for assistance would be the acknowledgement of Siam’s over lordship.”³¹

Hubungan ini begitu menjarah dalam jiwa pemerintah Kedah. Hal ini terbukti melalui kemunculan teks-teks yang menggambarkan keperitan hubungan ini ekoran tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Siam. Pengarangan teks-teks ini boleh

²⁸ Nabir Haji Abdullah, “Kedah Abad ke-18: Tinjauan Terhadap Kegiatan Ekonomi” dlm. Kolokium Masyarakat Melayu Abad ke-18, 17 Oktober 1987.

²⁹ P.L. Burns & C.D. Cowan (Eds.), “Swettenham’s Journal 1874-1876”, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1975, hlm. 162-268.

³⁰ Pada abad ke-19, pembinaan terusan Wan Mat Saman telah menyediakan kemudahan pengairan hingga ke kawasan yang luas. Selepas peninggalan Wan Mat Saman pada tahun 1898, terusan ini disifatkan sebagai pencapaian terbesar orang Melayu dalam bidang kejuruteraan hidrolik kerana walaupun sudah runtuh dan sebahagian daripada kondisinya berlubang, terusan ini masih terus berfungsi sebagai laluan air daripada Gunung Jerai sehingga ke kawasan lain. Lihat, Gullick, *Malay Society in the Late 19th Century*, hlm. 126-132.

³¹ R. Bonney, *Kedah 1771-1821*, hlm. 16.

dianggap sebagai usaha pihak Kedah untuk menulis sejarah negeri yang bersih, luhur dan bebas daripada penaungan Siam.³² *Syair Sultan Maulana* (1812)³³ dan *Syair Duka Nestapa*,³⁴ merupakan bukti Kedah terjerat dan merana berada dalam hubungan ini. Manakala teks pensejarahan seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* yang dianggap sebagai teks sejarah rasmi negeri Kedah oleh pihak diraja Kedah suatu ketika dahulu membuktikan wujudnya satu usaha menulis sejarah negeri yang bersih dan bebas daripada sebarang pengaruh luar khususnya Siam.³⁵

Noriah Taslim menghujahkan, walau apa pun sorotan pengkaji terhadap teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, akar induknya masih berlegar kepada keinginan pihak

³² Asal usul penemuan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* juga agak menarik. Syarikat Hindia Timur Inggeris dalam usaha untuk membantu Sultan Kedah memulihkan kembali takhtanya selepas serangan Siam pada 1821, meminta Sultan Ahmad Tajuddin II (1804-1845) menunjukkan dokumen sebagai bukti bahawa Kedah sebuah negeri yang bebas, jauh sekali berada di bawah taklukan Siam. Maka Sultan Ahmad Tajuddin mengeluarkan teks ini, yang kemudiannya dicetak dan kemudiannya diterjemah dan disunting ke dalam bahasa Inggeris dan diterbitkan secara bersiri dalam *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* pada tahun 1849. Usaha ini adalah untuk mengengahkan teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, supaya pandangannya dapat dikongsi dengan sarjana-sarjana Barat yang lain. Lihat, J. Low, "The Translation of the Kedah Annals, termed Marong Mahawangsa and Sketches of the Ancient Condition of Some of the Nation of Eastern Asia", dlm., J. R. Logan (ed.). *JIAEA* 3 hlm. 2.

³³ Syair yang mengandungi dua bahagian ini ditulis Jawi tulisan tangan. Setiap rangkap mengandungi empat baris perkataan dan mengandungi 1,192 rangkap. Bab pertama adalah mengenai keperibadian Sultan Ahmad Tajuddin, perwatakan, perawakan baginda. Baginda digambarkan sangat bijaksana mentadbir negeri Kedah, adil dan menjadikan Kedah maju dari pelbagai aspek. Pentadbiran baginda dibantu oleh para pembesar. Bab kedua dilihat agak panjang lebar tentang rasa dukacita dan murka sultan kepada Siam telah menuduh Kedah telah bersekongkol dengan Burma untuk menjatuhkan Siam. Peristiwa yang dikenali sebagai Pemberontakan Petani turut melibatkan kuasa lain seperti Petani dan Pulau Salang. Lihat, Muhammad Yusoff Hashim, *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980, hlm. 203-386.

³⁴ Teks sepanjang 450 rangkap ini disifatkan sebagai romantik-simbolik yang mengisahkan tentang azam dan keinginan Sultan Ahmad Tajuddin II untuk mendapatkan kembali Kedah. Lihat, Wan Shamsudin Mohd, Yusof, "Surat-surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845): Suatu Pengenalan", dlm. Mahani Musa & Ahmad Jelani Halimi (peny.), *Warisan Mahawangsa Kedah*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2006, hlm. 30.

³⁵ Asal usul penemuan teks *Hikayat Merong Mahawangsa* juga agak menarik. Syarikat Hindia Timur Inggeris dalam usaha untuk membantu Sultan Kedah memulihkan kembali takhtanya selepas serangan Siam pada 1821, meminta Sultan Ahmad Tajuddin II (1804-1845) menunjukkan dokumen sebagai bukti bahawa Kedah sebuah negeri yang bebas, jauh sekali berada di bawah taklukan Siam. Maka Sultan Ahmad Tajuddin mengeluarkan teks ini, yang kemudiannya dicetak dan kemudiannya diterjemah dan disunting ke dalam bahasa Inggeris dan diterbitkan secara bersiri dalam *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* pada tahun 1849. Usaha ini adalah untuk mengengahkan teks *Hikayat Merong Mahawangsa*, supaya pandangannya dapat dikongsi dengan sarjana-sarjana Barat yang lain. Lihat, J. Low, "The Translation of the Kedah Annals", hlm. 2.

Kedah untuk ‘mengnyahkan’ Siam dari sejarah diraja mereka.³⁶ Keturunan diraja Kedah dikatakan bermula dengan sejarah ‘gelap’ hasil perkahwinan dengan keturunan zalim berbadan agam yang dikaitkan dengan Siam dan hanya menjadi ‘cerah’ kembali dengan pengislaman raja Kedah.

Tidak seperti kebiasaan teks-teks tradisional Melayu yang memaparkan keturunan sultan yang dihubungkan dengan raja-raja agung dunia, *Hikayat Merong Mahawangsa* telah menukar realiti sejarahnya bahawa Kedah berada lebih tinggi dari Siam dengan menonjolkan Raja Merong Mahawangsa berasal daripada negeri Rom. Teks ini dengan beraninya menghujahkan bahawa raja Siam sebenarnya berasal dari keturunan Kedah iaitu merupakan anak sulung kepada Raja Kedah yang kedua, Raja Merong Mahapudisat.³⁷ Malah Kedah dikatakan hebat disebabkan adanya Raja Mahapudisat ini yang memulakan kerajaan lain seperti putera pertamanya dirajakan di Siam, seorang lagi dirajakan di Perak dan seorang puterinya di Patani manakala putera yang bongsu menjadi raja di Kedah.³⁸ Apabila anak yang dirajakan di Kedah ini

³⁶ Noriah berpendapat penulisan *Hikayat Merong Mahawangsa* memerlukan lebih penghayatan untuk memahami isu tersurat dan tersirat di dalamnya yang mungkin bertujuan untuk ‘menyucikan’ keturunan Sultan Kedah dengan menggunakan pelambangan Siam (Kafir), Kedah (Islam) dan dalam masa yang sama membuktikan pemerintahan berprinsipkan Syariat Islam telah membawa Kedah kepada kemakmuran. Misalnya, satu daripada episod penting dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* menjadikan perlambangan unsur *kanibal* pemimpin sendiri dengan secara sendirinya ‘ghaib’ begitu sahaja dan diusir oleh rakyat jelata yang pada akhirnya Hikayat Merong Mahawangsa menamatkan watak Raja Bersiung sebagai satu tempat yang dinamakan sebagai kota Raja Bersiung atau Kota Aur Raja Bersiung. Lihat, Noriah Taslim, “Hikayat Tentang Sejarah Kedah: Satu Bacaan Berganda Terhadap *Hikayat Merong Mahawangsa*”, dlm. Mahani Musa & Ahmad Jelani Halimi (peny.), *Warisan Mahawangsa Kedah*, hlm. 1-12. Lihat juga, Siti Hawa Haji Salleh (peny.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970, hlm. 50-76.

³⁷ Mengenai jurai keturunan sultan Kedah, terdapat pelbagai versi *Hikayat Merong Mahawangsa* mengaitkan keturunan sultan Kedah dengan Raja Rom. Lihat, Siti Hawa Haji Salleh (peny.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 32-40.

³⁸ *Hikayat Merong Mahawangsa/Kedah Annals* (1849) dan *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah* (1911) mencatatkan Raja Merong Mahawangsa daripada berasal daripada negeri Rom. Walaupun *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (1968) menghapuskan nama Raja Merong Mahawangsa dan digantikan dengan Maharaja Derbar Raja juga berasal daripada negeri Rom manakala teks *Tawarikh Salasilah Kedah* (1962) raja Kedah berasal daripada Raja Maurya di India. Lihat, Siti Hawa Haji Salleh (peny.), *Hikayat Merong Mahawangsa*, hlm. 35-41. Lihat juga, Muhammad Hassan To’ Kerani Mohd Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hlm. 2-5. Lihat juga, Wan Yahya Wan Mahamad Taib, *Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah*, Pulau Pinang: The

mendapat tahu abangnya yang memerintah di Siam mendapat anak, beliau lantas menghantar bunga emas dan perak, sebagai hadiah. Teks ini nampaknya telah menukar takrif 'taklukan' kepada 'kekeluargaan' malah meletakkan Kedah lebih tinggi daripada Siam.

Manakala kestabilan sosial merupakan tuntutan utama dalam proses ini bukan sahaja untuk mewujudkan kesatuan dalam kalangan rakyat bagi menghadapi ancaman musuh (seperti Siam) malah juga penting untuk mewujudkan kesepaduan dalam kalangan rakyat sehingga pertengahan abad ke-19 atau sebelum kedatangan Barat.³⁹ Kesepaduan ini merupakan petunjuk kepada pembangunan ekonomi, politik dan sosial di negeri Kedah. Maka Kedah, sebagaimana tegas Mohamad Isa Othman (1990), selain mengaplikasikan taktik 'hubungan anjal' dengan Siam bagi memastikan kemerdekaannya kekal, juga turut berbaik-baik dengan Siam untuk meluaskan pengaruh pentadbirannya.⁴⁰ Bagi menjamin kestabilan kerajaan, sultan-sultan Kedah juga bertindak memindahkan ibu negeri di samping membina set undang-undangnya sendiri. Penemuan teks *Undang-Undang Kedah* (selenggaraan Winstedt) pada tahun 1928 membuktikan hal ini.

British Malaya Press Ltd., 1911, hlm. 2; Mustafa Tam, *Tawarikh Salasilah Kedah Bahagian I*, (tidak diterbitkan), Koleksi Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, hlm. 2.

³⁹ Abu Talib Ahmad, "Re-Reading Adat Laws and Legal Texts as Sources of Malay Social Stability", dlm. Cheah Boon Kheng, *New Perspectives and Research on Malaysian History*, Monograph 41, Kuala Lumpur: MBRAS, 2007, hlm. 62.

⁴⁰ Sejak berabad lamanya, sultan Kedah yang terdahulu telah merancang untuk berbaik-baik dengan Siam untuk menjaga kestabilan dan mengukuhkan kebebasannya. Kedah, dalam hal ini melihat mereka tidak dapat menyelesaikan sebarang konflik politik dalaman mahupun luar yang berlaku tanpa campur tangan luar. Satu contoh yang dapat dilihat apabila Sultan Kedah (Sultan Ahmad Tajuddin II) telah meminta bantuan Siam untuk menyingkirkan bapa saudaranya Tunku Dhiauddin (1661-1687) yang ketika itu menjadi Raja Muda Kayang, boleh dianggap sebagai titik tolak campur tangan Siam secara rasmi dalam politik Kedah. Sultan Abdul Hamid berusaha untuk menghantar beberapa orang pegawainya ke Siam bagi mendapat balik negeri Perlis dan Setul dan meluaskan jajahan Kedah. Antara pegawai yang dihantar adalah Sultan Mansor dan Ku Din Ku Meh melalui Dasar *Thesaphiban* menyebabkan Ku Din sendiri telah mencabar kewibawaan baginda. Lihat, Mohamad Isa Othman, *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 59-66 & 147-150. Lihat juga, salinan *Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid No. 3* (1887-1889), Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis.

Malah, kewujudan *Undang-undang Kedah* telah menunjukkan bahawa adanya idea secara dasar oleh pemerintah tempatan untuk berusaha mengadakan beberapa set sistem undang-undang yang dapat mengawal kesejahteraan rakyat.⁴¹ Hal ini merupakan satu bukti bahawa wujudnya usaha sebuah negara yang sering tertekan dengan ancaman musuh secara berterusan untuk membina dan mengukuhkan kedaulatan dan identitinya melalui pemantapan politik, ekonomi dan sosial yang diperturunkan dalam fasal-fasal undang-undang tersebut. Melalui kesemua naskhah dan fasal yang terdapat dalam *Undang-undang Kedah* terbukti bahawa Kedah antara atau satu-satunya negeri Melayu yang berjaya melakukan transisi daripada negeri entrepot (perdagangan) kepada *agrarian* (pertanian)⁴² Hal ini tidaklah menghairankan kerana dari sudut prasejarah, rantau utara semenanjung seperti Lembah Bujang yang terletak di pertengahan jalan perdagangan antara China dan India memainkan peranan penting sebagai pusat entrepot atau *feederport* yakni pusat pengumpulan barangan tempatan untuk dihantar ke pelabuhan.⁴³ Kemajuan dalam perdagangan ini turut membuka kepada hubungan antara pesisir pantai dan pedalaman.⁴⁴ Menariknya, dalam tempoh penguasaan tersebut, kawasan Merbok-Muda dikatakan mengalami

⁴¹ Khoo Kay Jin, "Undang-Undang Kedah: Dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah", dlm. *Masyarakat Melayu Abad Ke-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

⁴² Khoo Kay Jin, "Rice Cultivation and Kedah", dlm. Cheah Boon Kheng *et.al* (eds.) *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History (1800-1940)*, Kuala Lumpur, Archipelogo Press, 2001, hlm. 22-23. Lihat juga, Cheah Boon Kheng, "Introduction" dlm. Cheah Boon Kheng *et.al* (eds.) *The Encyclopedia of Malaysia: Early Modern History (1800-1940)*, Kuala Lumpur, Archipelogo Press, 2001, hlm. 9.

⁴³ Leong, Sau Heng, Collection Centres, Feeder Points and Entrepots in the Malay Peninsular. Dalam *The Southeast Asian port and polity: Rise and demise*, eds. J. Kathirithamby-Wells and John Villers, Singapore: University of Singapore Press, 1990, hlm. 17-38.

⁴⁴ Lihat, S. Allen, Trade, Transportation, and Tributaries: Exchange, Agriculture, and Settlement Distribution in Early Historic-Period Kedah, Malaysia. Ph.d Dissertation, University of Hawaii, USA, 1988. Lihat juga, Mohd Supian Sabtu, *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

perubahan budaya yang penting termasuklah peralihan daripada pertanian padi huma/bukit kepada padi sawah dan perpindahan penduduk ke arah selatan (dari Merbok ke Muda) selepas 1200 Masihi/kurun ke-13. Allen melihat kedua-dua peralihan ini ada kaitan dengan perubahan geomorfologi yakni pelebaran pantai ke arah laut akibat mendapan sedimen sungai yang mengakibatkan wujudnya dataran tanah yang basah dan subur menghala ke kawasan Muda dan juga disebabkan kedudukan Sungai Merbok yang makin cetek akibat kelodak.⁴⁵

Peralihan ekonomi ini mula menampakkan perubahan bermula abad ke-17 dan hanya mengalami peralihan yang ketara pada suku akhir abad ke-19 dan benar-benar berjaya dan terlaksana pada abad ke-20.⁴⁶ Namun demikian, abad ke-18 mula perlahan-lahan menyaksikan tanaman padi menjadi tanaman utama dan salah satu eksport penting bagi ekonomi Kedah. Perkara ini dibuktikan melalui isi kandungan yang tercatat dalam *Undang-undang Kedah* pelbagai naskhah (yang menjadi perbincangan dalam tesis ini), pada setiap fasal yang terkandung di dalamnya. Institusi raja yang berdaulat telah memainkan peranan yang penting dalam merancang pelbagai bentuk kawalan, hukuman, larangan dan strategi yang kelihatan pada mulanya melibatkan kedua-dua kegiatan ekonomi (perdagangan dan pertanian) dan berakhir dengan tumpuan kepada kegiatan pertanian (padi) sekitar awal abad ke-20.

1.2 Kajian Lepas

Meskipun *Undang-Undang Kedah* sering dirujuk dalam kajian-kajian ilmiah, penyelidikan terhadap teks ini dari sudut historiografi tidak dilakukan secara meluas. Sehingga kini kajian yang ada lebih memfokuskan kepada *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928). Hal ini sekaligus mengenenepikan tiga lagi teks *Undang-*

⁴⁵ S. Allen, *Trade, Transportation, and Tributaries*, hlm. 24.

⁴⁶ Khoo Kay Jin, "Rice Cultivation and Kedah", hlm. 22-23.

undang Kedah iaitu *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005),⁴⁷ *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893)⁴⁸ yang agak jarang diketengahkan.

Winstedt dalam bab pengenalannya menyebut bahawa beliau telah menjumpai satu lagi *Undang-undang Kedah* yang ditemui oleh Stuart yang menurut Khoo Kay Jin (1991) mempunyai persamaan dengan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh.⁴⁹ Menurut Khoo Kay Jin, naskhah ini tidak menyentuh tentang Jamal a-'Alam, malah dikatakan sungguh berbeza daripada *Undang-undang Kedah* yang diselenggara oleh Winstedt kecuali dalam bahagian undang-undang maritim dan bahagian adat menerima surat daripada duta-duta.⁵⁰ *Undang-Undang Kedah* selenggaraan Winstedt ini (1928) terbahagi kepada beberapa bahagian undang-undang di dalamnya iaitu *Undang-undang Pelabuhan*,⁵¹ *Tembera Dato' Seri Paduka Tuan*.⁵² *Hukum Kanun Dato' Besar Kota Setar*⁵³ dan *Cara Membuat Bunga Emas*,⁵⁴ *Undang-undang Hijrah 1199*. Walaupun teks selenggaraan Winstedt ini dikaji dengan lebih meluas, Jelani

⁴⁷ Mariyam Salim (peny.) *Undang-undang Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

⁴⁸ Menurut Jelani Harun, *Undang-undang Kedah* yang dikarang oleh Ku Din Ku Meh. Lihat, Jelani Harun, *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, hlm. 177.

⁴⁹ Khoo Khay Jin, "Undang-Undang Kedah – dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah", 1991.

⁵⁰ R.O. Winstedt, "Kedah Laws". Lihat juga, Tor Geok Hwa, 'Undang-undang Kedah dan Undang-undang Melaka: Suatu Kajian Perbandingan ke atas Bahagian Undang-undang Pelabuhan', Mini tesis, Universiti Sains Malaysia, 1997, hlm. 16.

⁵¹ Naskhah bertarikh 1060H /1650M ini dipercayai ditulis semasa pemerintahan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626-1652). Naskhah ini terdiri daripada 37 fasal berkaitan dengan tugas-tugas syahbandar, panglima bandar, panglima kuala, bayaran cukai dan adat istiadat penerimaan para pedagang dari luar. Lihat, Tor Geok Hwa, 'Undang-undang Kedah.

⁵² Teks asal ditulis pada tahun 1078 H/1667 M, ketika pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1687). Teks ini terdiri daripada 16 fasal yang menyentuh mengenai undang-undang mencuri, jual beli, pemeliharaan binatang ternakan, tanaman padi, pemilikan tanah dan sebagainya.

⁵³ Terdiri daripada 7 fasal tentang syarat-syarat raja dan kebesaran para pembesar serta hamba raja. Tiada tarikh pada naskhah namun, dipercayai diasaskan pada tahun 1735 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah II (1710-1778). Besar kemungkinan naskhah ini ditulis dalam tempoh pemerintahan tersebut. Lihat, Jelani Harun, *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, hlm. 98.

⁵⁴ Terdiri daripada 24 fasal mengenai aturan pertabalan raja, tugas syahbandar, bendahara, kadi, laksamana, bentara, peminangan, adat istiadat dan gelaran istana. Ada dicatatkan nama Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah ibn Sultan Abdullah Mukarram Shah (1804-1843).

Harun (2008) berpendapat teks yang diselenggara oleh Winstedt ini mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu kerana hanya melibatkan sebahagian daripada teks asal yang terdapat dalam *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005) kerana tidak menyentuh *Undang-undang Laut*.⁵⁵

Malah, menurut Jelani teks *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) ini juga mempunyai masalah transliterasi dan kecelaruan makna. Walaupun terdapat banyak kelemahan, Jelani menganggap teks ini masih layak diangkat sebagai rujukan berguna kepada pembaca terutamanya sebagai rujukan asas untuk memahami adat ketatanegaraan Kedah.⁵⁶ Disebabkan itu pada 2005, teks ini diselenggarakan semula oleh Mariyam Salim dengan merujuk secara terus kepada undang-undang asal yang tersimpan di perpustakaan SOAS, University of London di bawah kod rujukan MS 40329.⁵⁷ Dalam erti kata yang lain, teks ini merupakan iringan daripada teks yang pernah ditulis oleh Winstedt (1928).⁵⁸

Antara yang pernah mengkaji teks Winstedt ini ialah William Maxwell (1884), P. P. Buss-Tjen (1958), R. J. Wilkinson (1968), M. B. Hooker (1984), Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995), Harun Mat Piah *et.al* (2002), Ahmad Jelani Halimi (2006), Abu Talib Ahmad (2007), Siti Hawa Hj. Salleh (2009), Jelani Harun (2010), Adi Yasran (2012), Liaw Yock Fang (2013) dan lain-lain. Manakala kajian yang menyentuh mengenai sosioekonomi Kedah dengan melihat sudut pandang sistem perundangan tradisional hanya melibatkan beberapa pengkaji sahaja seperti Sharom

⁵⁵ Mengandungi undang-undang maritim Melaka yang tidak diterbitkan oleh Winstedt. Isi kandungannya merupakan salinan daripada *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Terdapat catatan tarikh pada tahun 1784, yakni dalam zaman pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1797). Lihat, *Ibid.*, hlm. 98.

⁵⁶ Jelani Harun, *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, hlm. 95-100.

⁵⁷ Mariyam Salim, *Undang-Undang Kedah*. Lihat juga, Jelani Harun, *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*, hlm. 97.

⁵⁸ Mariyam Salim, *Undang-Undang Kedah*, hlm. x.

Ahmat (1984), R. Bonney (1971), Mohammad Isa Othman (1990), Mahani Musa (2006), Ooi Keat Gin (2012) dan lain-lain.

Sehingga kini belum ada kajian yang menyentuh tentang keempat teks iaitu *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928), *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005), *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) sekaligus dan secara menyeluruh. Walhal, menurut Abu Talib Ahmad walaupun undang-undang itu bersifat tradisional, kewujudannya masih dikekalkan sebagai alat kestabilan sosial dan digunakan sehingga kedatangan Barat.⁵⁹ Meskipun tidak diketahui sejauhmana keberkesanan dan pelaksanaan sistem ini kepada masyarakat Kedah, teks-teks *Undang-undang Kedah* ini mampu menjadi medium penting bagi menelusuri aspek adat dan peraturan berkerajaan.

Hanya pada tahun 1980, teks perundangan Kedah yang diselenggara oleh Winstedt (1928) dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) mula dirujuk serentak untuk memenuhi keperluan penyelidikan mini tesis bertajuk ‘Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957’ oleh Has Zanah Mehat.⁶⁰ Menariknya, mini tesis ini pertama kalinya telah memperkenalkan teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893). Kajian ini dapat dibahagikan kepada lima tempoh masa iaitu pelaksanaan undang-undang sebelum kedatangan British, selepas kedatangan British, sebelum kedatangan Jepun, semasa zaman Jepun dan perkembangan selepas zaman Jepun dan tempoh dilanjutkan sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Dalam skop perbincangan yang terbatas, Has Zanah banyak menumpukan

⁵⁹ Abu Talib Ahmad, “Re-Reading Adat Laws and Legal Texts as Sources of Malay Social Stability”, hlm. 62-72.

⁶⁰ Has Zanah Mehat, ‘Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957’, Mini Tesis, Universiti Malaya, 1980.

perbincangan kepada *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) secara keseluruhannya dan perbincangan mengenai *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) dibuat dua halaman sahaja.

Undang-undang Kedah naskhah Ku Din Ku Meh (1893) mula mendapat perhatian sarjana apabila pada tahun 1991, seorang ahli sosiologi dari Universiti Sains Malaysia, Khoo Kay Jin menerbitkan sebuah artikel tentang undang-undang tersebut.⁶¹ Walaupun hanya menumpukan kepada aspek pengawalan hak milik tanah yang dianggap menjadi induk utama hubungan raja-rakyat di Kedah, Khoo secara keseluruhannya menyifatkan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) ini berbeza daripada *Undang-Undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928). Apa yang menarik, Khoo turut menambah, naskhah Stuart yang didakwa ditemui oleh Winstedt (1928) itu adalah sama dengan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893), berdasarkan kepada terjemahan beberapa pilihan daripada salinan Stuart.⁶² Menurut Khoo, *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) ini amat menyeluruh cakupannya, malah sebahagian daripada undang-undang tersebut masih digunakan sehingga penghujung abad ke-19.⁶³ Selepas Khoo Kay Jin, teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) hanya sekali sekala dirujuk sebagai sumber bagi kajian ilmiah.

Bagaimanapun, pada tahun 1991, muncul dua buah kajian ilmiah oleh Muhammad Nor Rashidi bin Mahamod dan Mat Zin Ayob yang telah

⁶¹ *Undang-undang Kedah* ini didapati daripada Arkib Negara Malaysia. Malangnya, keterangan lanjut mengenai Ku Din Ku Meh tiada dalam rekod simpanan Arkib Negara Malaysia. Lihat, Khoo Khay Jin, "Undang-Undang Kedah – dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah", hlm. 79.

⁶² Winstedt (1928) menyifatkan naskhah yang ditemui oleh Stuart ini lebih bersifat sastera bentuknya. Naskhah Stuart pernah diterbitkan oleh Province Wellesley Mission Press bertajuk *The Kedah Miscellany*. Majalah yang mula diterbitkan pada tahun 1918 ini hanya diterbitkan untuk lima isu sahaja sebelum diberhentikan penerbitan pada tahun 1919. Lihat, R.O. Winstedt, "Kedah Laws", hlm. 80.

⁶³ Khoo Khay Jin, "Undang-Undang Kedah – dengan Tumpuan Khusus Kepada Pengawalan Hak Milik Tanah", hlm. 60.

membandingkan isi kandungan teks *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893). Muhammad Nor Rashidi melalui kajiannya berjudul ‘Sejarah Kedah: *Undang-undang Kedah* dengan Penelitian terhadap Persoalan Tanah’⁶⁴ berpendapat *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh lebih tersusun dan menyeluruh perbincangannya dalam persoalan tanah dan permasalahan pertanian seperti saluran, isu persempadanan, binatang ternakan, sewaan tanah dan tanah pusaka. Manakala Mat Zin dalam kajiannya berjudul ‘Undang-undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan British: Satu Penilaian Sejarah’, menyimpulkan negeri Kedah telah melaksanakan hukum Islam sebelum campurtangan British dengan membandingkan isi kandungan kedua naskhah *Undang-undang Kedah* iaitu selenggaraan Winstedt (1928) dan naskhah Ku Din Ku Meh (1893).⁶⁵

Sehingga tahun 1997, teks *Undang-undang Kedah* (1928) sekali lagi mendapat perhatian Tor Geok Hwa dalam mini tesisnya bertajuk ‘Undang-undang Kedah dan Undang-undang Melaka: Suatu Kajian Perbandingan ke atas Bahagian *Undang-undang Pelabuhan*’.⁶⁶ Walaupun skop perbincangan Tor Geok Hwa agak terhad tetapi beliau telah mengangkat *Undang-undang Pelabuhan* (1060H/1650M) sebagai satu dokumentasi penting untuk membuktikan kestabilan politik, ekonomi dan pertahanan Kedah yang kembali stabil dan bebas daripada ancaman luar seperti Aceh dan Portugis sekitar abad ke-17. Beliau juga ada membandingkan antara kesemua lima bahagian yang terdapat dalam *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) iaitu *Undang-undang Pelabuhan*, *Undang-undang Tembera Dato*

⁶⁴ Muhammad Nor Rashidi bin Mahamod, ‘Sejarah Kedah: Undang-undang Kedah dengan Penelitian terhadap Persoalan Tanah,’ Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990/1991.

⁶⁵ Mat Zin Ayob, ‘Undang-undang Islam di Kedah Sebelum Penjajahan British: Satu Penilaian Sejarah’, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, 1991.

⁶⁶ Tor Geok Hwa, ‘Undang-undang Kedah dan Undang-undang Melaka: Suatu Kajian Perbandingan ke atas Bahagian Undang-undang Pelabuhan’, Mini Tesis, Universiti Sains Malaysia, 1997.

Seri Paduka Tuan, Hukum Kanun Datuk Kota Setar, Cara Membuat Bunga Emas dan Undang-undang Hijrah 1199, Undang-undang Pelabuhan paling lengkap kerana terkandung di dalamnya 37 fasal.

Nabir Haji Abdullah (1987) yang merujuk kepada *Undang-Undang Tembera Dato' Seri Paduka Tuan* menyebut mengenai ternakan dan aktiviti bercucuk tanam dan tidak menafikan sumbangan guna tenaga wanita dan tenaga haiwan untuk membantu merencanakan aktiviti pertanian. Kegiatan pertanian padi ini, misalnya, telah memberi peluang kepada golongan wanita mendapat pengiktirafan dalam bidang ekonomi.⁶⁷

Mohammad Isa Othman dalam bukunya bertajuk *Politik Tradisional Kedah 1681-1942* (1990) tidak merujuk secara terus *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) tetapi beliau ada memerihalkan tentang konflik yang sengaja dicipta oleh Ku Din sendiri untuk 'mengangkat' dirinya sendiri sebagai Gabenor Setul. Walau bagaimanapun, dalam *Pengalaman Kedah & Perlis: Zaman Penjajahan British* (2001), Mohamad Isa menyebut tentang kepentingan surat putus atau geran, bayaran cukai termasuk cukai tanah, cukai bunga emas, cukai gendang dan nobat melalui isi kandungan teks naskhah ini.⁶⁸ Bagaimanapun, Mohammad Isa tidak mengulas lanjut tentang teks ini dan merujuk kepada beberapa fasal tertentu sahaja untuk menyokong rumusan beliau.

Pada tahun 2003, 2005 dan 2006, seorang lagi ahli sejarah dari Universiti Sains Malaysia, Mahani Musa telah beberapa kali meneliti teks ini dan menerbitkan dalam bentuk artikel mengenainya. Sama seperti Khoo, Mahani memilih untuk memfokuskan kepada beberapa aspek utama iaitu pentadbiran tanah, hubungan tuan emas-orang

⁶⁷ Nabir Haji Abdullah, "Kedah Abad Ke-18: Tinjauan Terhadap Kegiatan Ekonomi", hlm. 21.

⁶⁸ Mohamad Isa Othman, *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2011, hlm. 42-47.

berhutang, *munakahat*, perceraian, pembahagian harta, dan sumbang mahram. Fasal mengenai hak wanita seperti perkara berkaitan dengan nikah kahwin, perceraian dan sumbang mahram dan pembahagian harta pusaka disifatkan oleh beliau sangat unik kerana inilah pertama kali perkara berkaitan dengan hak wanita mendapat pengiktirafan wanita dan sekaligus memperakui peranan wanita sebagai tenaga kerja yang utama di Kedah.⁶⁹ Pada tahun 2006, Mahani masih lagi menonjolkan naskhah ini di bawah tajuk yang lebih umum dan ringkas perinciannya.⁷⁰ Namun begitu, oleh kerana kedua-dua kajian beliau ini hanya berbentuk artikel, maka banyak aspek lain yang masih belum dikupas.

Sejak itu juga *Undang-undang Kedah* turut mendapat perhatian kajian ilmiah oleh pelajar di institusi pengajian tinggi di negara ini. Walaupun bukan dari bidang sejarah, Allauwiyah bt. Jusoh (2006) misalnya, menfokuskan sepenuhnya kepada teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) yang diukur dari sudut perundangan Islam dan syariah. Di bawah tajuk ‘Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam,’ beliau telah merungkaikan persoalan mengenai hukum-hakam Islam yang terkandung dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh secara terperinci dengan menghuraikan mengenai struktur, aspek fizikal dan sebagainya dalam teks tersebut. Beliau turut melakukan perbandingan teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh dengan kitab-kitab Fekah, al-Quran dan Hadis.⁷¹ Walaupun bukan kajian sejarah, Allauwiyah menonjolkan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh sebagai sumber yang menepati sudut pandangan syariah dan Islam.

⁶⁹ Mahani Musa, *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

⁷⁰ Mahani Musa, “Undang-undang Kedah Naskhah Ku Din Ku Meh, 1311 H (1893 M): Satu Dokumen Sejarah Negeri Kedah”, hlm. 72-104.

⁷¹ Allauwiyah bt. Jusoh, ‘Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam’, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2006.

Dengan menurunkan fasal berkaitan peranan wanita dalam ekonomi, Abu Talib Ahmad (2007) melihat teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) ini tergelincir daripada garisan Adat Temenggung yang sebenar. Namun, Abu Talib hanya menyentuh sepintas lalu tentang teks ini dan hanya membincangkan peranan teks undang-undang adat sebagai sumber kestabilan orang Melayu.⁷² Kemudiannya, perincian teks *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh mendapat perhatian Jelani Harun (2008) dalam kajiannya yang berjudul *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*.⁷³ Sama seperti Mahani, Jelani juga menyifatkan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) sebagai satu-satunya naskhah undang-undang adat di Tanah Melayu yang menyentuh mengenai sumbang mahram.

Azman Isa (2013) dalam tesis kedoktorannya yang bertajuk ‘Perkembangan Undang-undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1667-1965’⁷⁴ meneliti undang-undang dari sudut permodenan, perundangan dan pentadbiran di Kedah sebelum dan selepas kedatangan British ke negeri itu. Walaupun Azman ada merujuk *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893), tetapi fokus kajiannya lebih tertumpu kepada isu tanah, pencukaaian dan pemodenan di negeri Kedah. Walaupun di peringkat awal Azman menyenaraikan kesemua teks undang-undang adat negeri Kedah, tetapi beliau hanya menyentuh sepintas lalu mengenai *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) dalam bab yang kedua yakni mengenai tanah dan sosiobudaya masyarakat setempat. Sama seperti yang lainnya, beliau turut merumuskan kandungan teks

⁷² Abu Talib Ahmad, “Re-Reading Adat Laws and Legal Texts as Sources of Malay Social Stability”.

⁷³ Jelani Harun, *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*.

⁷⁴ Azman Isa, ‘Perkembangan Undang-undang dan Pentadbiran Tanah di Kedah, 1667-1965’, Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2013.

Undang-undang Kedah naskhah Ku Din Ku Meh (1893) lebih menyeluruh perinciannya berkenaan dengan aspek guna tanah.

Kemudian, Aminudin Haji Abdul Karim (2014) dalam bukunya bertajuk *Hukum Kanun Pahang: Satu Analisis Serta Perbandingan Dengan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Kedah*⁷⁵ telah melakukan perbandingan ke atas *Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Kedah* (2005). Aminudin yang hanya merujuk teks *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005), telah menggariskan kelebihan *Undang-undang Kedah* mengenai fasal berhubung dengan bunga emas dan perak yang dilihat lebih teliti olahannya dan dalam masa yang sama menjelaskan dasar diplomatik antara Kedah dan Siam, berbanding isi kandungan yang terdapat pada *Hukum Kanun Pahang dan Undang-undang Melaka*.

Kajian terbaharu dilakukan oleh Siti Fairus binti Kamarudin (2015) di bawah tajuk 'Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-unsur Etnografi Islam'.⁷⁶ Beliau telah menjadikan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh sebagai sandaran utama kerana menurutnya unsur-unsur Islam yang terdapat dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh lebih menyetengahkan adat Melayu dan mempunyai etnografi yang lebih Islamik berbanding dengan *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928). Tesis sarjana yang mengandungi lima bab ini menyetengahkan bab empat sebagai perihalan teks tersebut. Bab ini menyelitkan secara ringkas adat Melayu tradisi yang terkandung di dalam *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh seperti adat pemilihan raja dan menteri, adat penggunaan bahasa istana, adat berkaitan dengan simbol diraja serta para menteri, adat istiadat

⁷⁵ Aminudin Hj. Abdul Karim, *Hukum Kanun Pahang: Satu Analisis serta Perbandingan dengan Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Kedah*, Kuantan: Syarikat Inderapura Sdn. Bhd., 2014.

⁷⁶ Siti Fairus Kamarudin, 'Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian Unsur-unsur Etnografi Islam', Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 2015.

permainan nobat Kedah dan adat menyambut surat diraja. Perbincangan mengenai adat resam perkahwinan seperti adat merisik dan meminang turut dibincangkan. Walaupun bab ini ada menyentuh secara sepintas lalu mengenai kegiatan ekonomi masyarakat terdahulu, namun disertasi ini dilihat agak longgar analisisnya kerana ianya lebih menfokus kepada perspektif kesusasteraan dan bahasa.

Manakala teks *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles yang dianggap lengkap pada bahagian *Undang-undang Pelabuhan* dan *Undang-undang Tembera Dato Seri Paduka Tuan* hanya pernah diketengahkan pertama kali oleh Liaw Yock Fang. Beliau memberikan sedikit gambaran mengenai teks ini dengan diberi judul *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 mengikut kepada catatan judul di muka hadapan mikrofilem.⁷⁷ Teks ini kemudiannya diketengahkan oleh Mohd Sukki Othman dan Adi Yasran Abdul Aziz dalam artikel bertajuk “Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya”. Pun begitu, kajian ini dilihat lebih menjurus kepada pengaruh Islam dan budaya melalui aspek pekerjaan, pengiraan dan perniagaan di Kedah.⁷⁸

Berdasarkan sorotan literatur di atas, dapat disimpulkan beberapa keadaan mengenai kajian terhadap *Undang-undang Kedah*. Bagi *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928) lebih jelas kewujudannya dalam kalangan pengkaji. Begitu juga dengan *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005) yang terdapat lima bahagian di dalamnya yang dilihat lebih mendapat perhatian para pengkaji. Manakala kajian ke atas dua teks lagi iaitu *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) amat sedikit dan belum diterokai secara mendalam terutama dari sudut sejarah. Kajian-kajian yang

⁷⁷ Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka*.

⁷⁸ Mohd Sukki Othman & Adi Yasran Abdul Aziz, “Undang-undang Pelabuhan Kedah dari Perspektif Sejarah dan Budaya”, *Jurnal Kemanusiaan*, Vol. 19, No. 1, 2012, hlm. 1-16.

sedia ada itu tidak dapat memaparkan kepentingan teks undang-undang adat pelbagai naskhah ini sebagai sumber penting pensejarahan Melayu Kedah kurun ke-19 kerana kebanyakan kajian lebih memfokuskan kepada isu-isu tertentu atau hanya menumpu kepada beberapa fasal tertentu sahaja. Kekurangan ini menjadi titik tolak kepada penulisan tesis ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian sedia ada tentang aspek perundangan tradisional Kedah lebih banyak menumpukan kepada *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928), walhal teks ini hanya ditransliterasi sebahagian sahaja daripada teks asal *Undang-undang Kedah* selenggaraan Mariyam Salim (2005). Tanpa menafikan kepentingan teks *Undang-undang Kedah* selenggaraan Winstedt (1928), kajian ini turut menumpukan kepada tiga naskhah teks perundangan Kedah yang lain yang ditransliterasi sepertimana yang asal iaitu *Undang-undang Kedah* (2005), selenggaraan Mariyam Salim atau *Undang-undang Kedah* naskhah SOAS, *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893).

Kedua-dua *Undang-undang Kedah* naskhah Raffles 77 dan *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) amat jarang diketengahkan dalam kajian. Terutamanya *Undang-undang Kedah* naskhah Ku Din Ku Meh (1893) yang dilihat lebih menyeluruh tetapi kurang mendapat perhatian pengkaji sejarah (jika ada, hanya menyentuh fasal-fasal terpilih sahaja). Walhal, teks ini sarat dengan fasal-fasal yang mencakupi semua aspek pemerintahan dan kenegaraan malahan teks ini lebih luas cakupan fasalnya berbanding naskhah-naskhah lain. Kewujudan kesemua naskhah *Undang-undang Kedah* ini juga menjadi cerminan bentuk pemerintahan Kedah sebelum campur tangan British yang diperakui oleh beberapa orang sarjana seperti Khoo Kay Jin (1991), Mahani Musa (2006) dan Abu Talib Ahmad (2007). Amat

menarik diperhatikan bagaimana sebuah kerajaan Melayu tulen tanpa campur tangan luar mampu berusaha berdiri di atas kakinya sendiri tanpa bantuan mana-mana pihak melalui penggubalan set undang-undang yang kukuh.⁷⁹

Kajian-kajian yang sedia ada tentang *Undang-undang Kedah* bukan sahaja tidak dapat menyerlahkan peraturan dan larangan dalam bentuk perundangan, malah tidak dapat menilai teks ini dari segi peranannya dalam segenap aspek politik, ekonomi dan sosial kerajaan Kedah. Sedangkan teks *Undang-undang Kedah* ini telah meletakkan institusi kesultanan di tempat yang teratas dalam mobiliti sosial melalui paparan fasal-fasal yang terkandung di dalamnya. Raja sebagai pemerintah pula sentiasa mengukuhkan dan mengawal keutuhan ‘daulat’nya sekaligus teks undang-undang ini berjaya menonjolkan konsep ketatanegaraan atau ‘*governance*’ yang jelas yang dihubungkan dengan agama melalui konsep daulat.

Keseluruhan nilai yang cuba dibawa oleh teks *Undang-undang Kedah* ini juga dapat menepis pandangan dua sarjana terkenal iaitu J. M. Gullick dan A.C. Milner tentang konsep raja dan kerajaan dalam masyarakat Melayu. Menurut Gullick, meskipun raja menduduki puncak tertinggi dalam kesultanan Melayu dan punca perimbangan kuasa tetapi kuasa sebenar dalam sistem ini berada dalam tangan pembesar-pembesar daerah. Gullick melihat raja sebenarnya lemah kerana pembesar lebih diberi kuasa untuk mentadbir daerah masing-masing dan lebih berkuasa dan kaya daripada sultan.⁸⁰ Manakala A. C. Milner melalui kajiannya melihat dalam kehidupan

⁷⁹ Khoo Kay Jin dalam hal ini melihat pentadbiran Kedah yang sebelum kedatangan British dan selepas kedatangan British tidak jauh bezanya kerana semasa Kedah diambil alih, tidak banyak perubahan yang dilakukan. Struktur-stuktur tertentu seperti politik, perundangan, ekonomi dan sosial negeri Kedah hanya diperkemas sahaja dan diselaraskan dengan pentadbiran negeri-negeri lain. Lihat, Khoo Kay Jin, “Kedah di antara Imprealisme dan Kolonialisme: 1880-1909”, Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (Eds.), *Kolonialisme di Malaysia dan Negeri-negeri Lain*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1990, hlm. 179-180.

⁸⁰ J. M. Gullick, *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, hlm. 71-72.